

25 MAR 1997

KLIA-Jamilus (Dengan gambar)

BAGAIMANA "DIRTY DOZEN" SELAMATKAN BERBILION RINGGIT

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Apabila Datuk Jamilus Hussein dilantik mengetuai syarikat yang membangunkan lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur yang baru dalam tahun 1993, berita itu memberi kejutan kepada industri pembinaan dan masyarakat kejuruteraan tempatan.

Ramai yang bertanya sama ada Malaysia, atau lebih khusus rakyat Malaysia berupaya membina sebuah projek yang dianggap terbesar di dunia sekarang, di Sepang kira-kira 50 km dari sini.

Kebimbangan seumpama itu memang bertempat pada masa itu memandangkan kebanyakan projek pembinaan besar sebelum ini dibangunkan oleh syarikat asing dengan kepakaran mereka sendiri.

Tetapi Jamilus, 52, yang bertugas sebagai Pengarah Jalanraya, Jabatan Kerja Raya (JKR) ketika itu, telah dipilih untuk menjadi Pengarah Urusan K.L. International Airport Berhad (KLIAB) bagaimanapun, sedar tentang cabaran yang berada di hadapannya.

Suasana pembentukan KLIAB dalam bulan Julai 1993 boleh dianggap agak dramatik. Syarikat itu telah mengambil alih sebagai pemaju Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) daripada Anglo-Japanese Airport Consortium Sdn Bhd (AJAC) yang terlepas peluang membina lapangan terbang tersebut berikutan keputusan kerajaan Malaysia melarang syarikat Britain daripada memperolehi kontrak baru kerajaan.

Ini adalah sebagai tindak balas kepada dakwaan akhbar Sunday Times, London bahawa syarikat Britain yang memajukan sebuah projek empangan di Malaysia telah memberi rasuah kepada ahli politik tertentu di Malaysia. Dakwaan itu dinafikan oleh Malaysia.

Bagaimanapun episod itu telah bertukar menjadi satu rahmat yang terselindung.

Jamilus menangani cabaran itu segera dengan membawa masuk 12 kakitangan, kebanyakannya terdiri daripada rakan jurutera di JKR sebagai kumpulan pengurusan awal untuk meneruskan apa yang telah ditinggalkan oleh AJAC, terutamanya kajian pelan induk lapangan terbang itu.

" Ini adalah satu cabaran yang ingin ditempuhi oleh seorang jurutera awam seperti saya. Mungkin kita tidak akan melihat sebuah lapangan terbang sebesar ini dalam tempoh 50 tahun lagi atau mungkin juga sepanjang hayat," kata Jamilus yang menyifatkan kumpulan itu sebagai "dirty dozen".

Saiz lapangan terbang itu sahaja menggerunkan dari semua aspek.

Arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah untuk membina lapangan terbang abad ke-21 dan direka bentuk sebagai yang paling canggih di rantau ini, dan perlu disiapkan menjelang Januari 1998, atau di bawah tempoh empat tahun.

Pembinaan telah mencapai kemuncaknya sekarang, dengan lebih 25,000 pekerja dari sekurang-kurangnya 45 negara bekerja 24 jam untuk menyiapkan projek itu, yang sudah tentu akan mencipta lebih banyak rekod bagi Malaysia.

Kumpulan "dirty dozen" Jamilus telah berkembang menjadi kumpulan pengurusan seramai 450 orang yang mengawasi projek itu -- yang unik dari satu lagi aspek iaitu sebanyak 80 kontrak telah ditawarkan daripada keseluruhan pakej.

"Unik kerana sebegitu banyak kontrak ditawarkan bagi satu projek, dan adalah satu yang menakjubkan mengendalikan begitu ramai pekerja dari begitu banyak negara," kata beliau di tapak projek itu.

KLIAB dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dengan Ketua

Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert sebagai pengerusinya.

"Pengurusan cara ini nampaknya satu formula yang berjaya kerana perkara yang membabitkan kewangan dapat ditangani dengan cekap. Oleh kerana itu projek telah berjalan mengikut jadual," kata Jamilus berkaitan projek yang diramalkan berharga antara RM8 bilion dan RM9 bilion bagi fasa pertama sahaja.

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM1 bilion bagi membiayai pemilikan tanah, meningkatkan mutu jalan raya, bekalan air dan pembinaan bangunan kerajaan. Bakinya dibiayai melalui pinjaman terutamanya dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan institusi kewangan tempatan.

Bagaimanakah sebuah pasukan yang kurang berpengalaman dari JKR tempatan berupaya menangani pelbagai masalah untuk membina projek sebesar itu?

Menurut Jamilus, kunci kejayaan adalah mengumpulkan satu pasukan yang berkecualan dan dengan keyakinan rakyat Malaysia juga boleh melakukan apa yang dilakukan oleh orang lain.

"Saya bukan mahu masuk bakul angkat sendiri. Tetapi sekarang kami menerima tetamu dari seberang laut hampir setiap hari di pejabat saya, bertanyakan bagaimana kita menguruskan projek sebesar itu," kata Jamilus yang menyuarakan keyakinan semua kerja fizikal akan siap menjelang 15 September ini, untuk membolehkan ujian dan simulasi lapangan terbang dimulakan mendahului tarikh operasi sebenar tahun depan.

Kerana kebanyakan kepakaran dan perunding JKR telah digunakan dalam projek tersebut, dan bukan dari Britain, Jepun dan yang lain, Jamilus tidak dapat menyurukkan pencapaian terbesar kumpulannya-- menjimatkan berbilion ringgit untuk negara.

Beliau tidak dapat menyatakan berapa sebenarnya yang dijamin tetapi berkata: "Sebelum rakyat Malaysia menerajui projek ini, kerajaan telah meramalkan projek itu berharga sekitar RM20 bilion, tetapi sekarang ia mungkin berharga sekitar RM9 bilion sahaja."

Menurut beberapa jurutera di tapak pembinaan, jurutera dan perunding JKR hanya dibayar gaji perkhidmatan awam ditambah sedikit elaun khas kerana dipinjamkan kepada KLIAB.

"Jika AJAC yang melaksanakan projek itu, saya fikir Pengarah Urusannya sahaja dibayar lebih RM100,000 sebulan, lebih tinggi berbanding gaji pegawai perkhidmatan awam tertinggi di negara ini," kata seorang jurutera.

Difahamkan, pemaju asal mahu menggunakan beribu-ribu lori khas yang diimport untuk projek itu kerana menurut mereka, lori tempatan tidak sesuai untuk projek itu.

Tetapi KLIAB mendapati lori-lori tempatan boleh digunakan dengan kecekapan yang sama.

"Adalah mudah untuk mengawasi dan mengesahkan segala tambahan pada kos jika kita yang melaksanakannya berbanding orang lain," kata Jamilus.

Pelajaran yang bernilai bagi Jamilus dan pasukannya ialah pengalaman yang diperolehi semasa membina KLIA.

Apa yang akan terjadi kepada KLIAB apabila projek itu siap kelak?

"Itu satu soalan yang baik. Tetapi ia adalah untuk kerajaan memutuskannya. Bagi saya pula, saya mahu berehat panjang atau bersara," kata Jamilus yang menurut rakannya telah bekerja tujuh hari seminggu dan lebih 12 jam sehari di KLIAB.

"Saya telah memberikan yang terbaik di sini daripada lebih 30 tahun dalam perkhidmatan kerajaan. Ia adalah satu-satu yang amat mencabar kerana kita tidak boleh melakukan kesilapan memandangkan masa yang diberikan untuk menyiapkan projek itu."

Menjawab satu soalan, Jamilus berkata KLIAB tidak perlu dibubarkan seperti kumpulan yang membina Lapangan Terbang Changi Singapura, kerana ia

boleh menender untuk membina lapangan terbang di rantau ini atau di negara-negara lain.

Dr Mahathir sendiri mahu KLIA -- yang direka bentuk berdasarkan konsep "lapangan terbang dalam hutan dan hutan dalam lapangan terbang, di tengah-tengah kehijauan suasana nyaman" -- untuk menjadi tugu peringatan kepada iltizam Malaysia terhadap pembangunan yang berkekalan di mana hanya yang terbaik bagi diadakan kepada pengguna.

Ia akan mempunyai kemudahan lebih baik berbanding Lapangan Terbang Changi, dan tidak hanya sebagai pintu utama Malaysia ke dunia luar tetapi juga sebagai pusat bagi rantau ini. --BERNAMA

AU RI